**Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah**

*Baca prosa tradisional "Pelanduk Mengajar Memerang" (halaman 41) dalam **Antologi Baik Budi, Indah Bahasa**, Tingkatan 2, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

> Syah Alam di Rimba; sebab pun dipijak Syah Alam di Rimba, sebab ia … musuh seteru dari mana akan *melanggar tuanku*.

**11** Maksud rangkai kata *melanggar tuanku* yang terdapat dalam petikan di atas ialah

**A** menyerang raja  **C** menghalau raja
**B** menakluki raja  **D** menculik raja

**12** Haiwan di hutan menyangka ada musuh yang hendak menyerang raja dan bersedia untuk membantu raja.
Kata-kata hikmat yang sesuai dengan situasi ini ialah

**A** ilmu pelita hidup
**B** muafakat membawa berkat
**C** biar lambat asalkan selamat
**D** kata-kata lebih tajam daripada mata pedang

> "Ampun tuanku, beribu-ribu ampun; sembah patik harapkan diampun …"

**13** Gaya bahasa yang terdapat dalam baris di atas ialah

**A** inversi
**B** anafora
**C** repetisi
**D** asonansi

> "... Kepada fikiran patik tentulah Duli Yang Maha Mulia kedatangan musuh yang besar ... patik pun bersiaplah akan perisai patik."

**14** Apakah nilai murni yang ditunjukkan oleh semua haiwan dalam petikan di atas?

**A** Kerajinan
**B** Kejujuran
**C** Ketakwaan
**D** Keberanian

**15** Antara penyataan berikut yang manakah **benar** tentang petikan cerita di atas?

**A** Sang Sebarau memalu gendang perang
**B** Syah Alam di Rimba memanggil Sang Sebarau menghadapnya
**C** Nabi Allah meminta Sang Bubut membawa tombak bercanggah
**D** Semua haiwan di rimba beranggapan Nabi Allah akan diserang musuh


LIVEWORKSHEETS